

Lanjutan Manfaat Khas untuk Pelanggan akibat Covid-19

Kepada Rakan-rakan Kongsi Perniagaan yang dihormati,

Tahun 2020 baru sahaja berakhir. Walaupun ia adalah tahun yang penuh dengan pelbagai cabaran, Etiqa dengan sukacitanya memberikan manfaat khas seperti berikut pada tahun 2020* bagi meringankan beban yang mungkin dihadapi oleh pelanggan Etiqa:

- Penangguhan bayaran sumbangan selama tempoh 3 bulan (untuk pelanggan yang mempunyai pelan dengan tempoh melebihi 12 bulan & bayaran yang distruktur sebagai bayaran tetap)
- Bantuan Tunai RM5,000 sekiranya didiagnosis Covid-19 (untuk pelanggan individu Etiqa Family Takaful Berhad)
- Perlindungan untuk kemasukan ke hospital akibat Covid-19 (untuk pelanggan yang mengambil pelan Perubatan & Manfaat Tunai Hospital)
- Perubatan & Manfaat Tunai Hospital
Subsidi maksimum RM300 untuk ujian saringan Covid-19 (untuk pelanggan yang mengambil pelan Perubatan, Manfaat Tunai Hospital & Penyakit Kritikal)

Ketika kita memasuki tahun 2021, kebanyakan dari kita menantikan pemulihan yang positif. Malangnya, kes Covid-19 yang disahkan dalam masyarakat Malaysia terus meningkat.

Oleh itu, Etiqa ingin mengumumkan bahawa manfaat khas yang dinyatakan di atas akan dilanjutkan pada tahun 2021. Sila baca notis "Soalan Lazim" yang telah dilampirkan untuk maklumat lanjut mengenai terma-terma & cara-cara bagaimana pelanggan Etiqa boleh mendapatkan manfaat tersebut.

"We want to make the World a Better Place" bukan sekadar slogan, tetapi ia adalah budaya organisasi Etiqa dan janji jenama kami. Kami percaya jika semua rakyat Malaysia berganding bahu mengharungi krisis ini, Malaysia akan menjadi lebih kuat.

Terima kasih, sentiasa memastikan amalan penjarakan sosial, jaga diri & semoga sihat selalu.



Zafri Ab. Halim
Ketua Pegawai Eksekutif
Etiqa Family Takaful Berhad

* Tertakluk kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat & Kelulusan dari Etiqa